



SIEW HON (tiga dari kiri) memberi penerangan mengenai khasiat makanan kepada kanak-kanak yang berkunjung ke NutriBus.

Pakar diet mobil

Mesra dan penyabar adalah kriteria penting yang disemai oleh Siew Hon ketika menjalankan tugas sebagai seorang pakar nutrien (pemakanan) di NutriBus.

kerjaya

Oleh **SUBASHINI RAJANDRA**

subashini.rajandra@kosmo.com.my

MESKIPUN baru lebih seminggu memulakan khidmat di atas sebuah bas bergerak Dutch Lady Milk Industries Berhad, Loh Siew Hon sangat teruja sewaktu berkunjung ke lokasi pertama di sekitar Kajang, Selangor.

Sambil menyibukkan diri membaca buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan pemakanan sihat dan majalah *Healthtoday*, Siew Hon, 24, merupakan salah seorang kakitangan Persatuan Nutrisi Malaysia (NSM) yang terpilih untuk terlibat dalam pengembalaan NutriBus itu hampir ke 120 buah lokasi di Malaysia.

Anak ketiga daripada empat orang adik-beradik dari Johor Bahru, Johor, mengakui gembira dengan tugasnya.

Memegang Ijazah Nutrisi dan Kesihatan Komuniti dari Universiti Putra Malaysia (UPM), beliau kini meneruskan pengajian dalam Ijazah Lanjutan Sains dalam Nutrisi Komuniti di institusi pengajian tinggi yang sama.

Menganggap program NutriBus itu sebagai satu acara yang diadakan tepat pada masanya, Siew Hon yakin dia mampu berkongsi maklumat dan nasihat kepada segenap lapisan masyarakat di bandar atau di luar bandar.

GenK: Apakah tugas hakiki anda di NutriBus?

SIEW HON: Saya akan mengukur berat dan ketinggian pengunjung sebelum mengira Indeks Jisim Badan (BMI). Kemudian saya akan memberi beberapa garis panduan mengenai tahap kesihatan mereka berdasarkan kepada klasifikasi status BMI.

Apakah kriteria untuk menjadi seorang pakar nutrien?

Bersifat peramah, mesra dan penyabar. Kita berpeluang untuk berbicara dengan ramai orang dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang. Oleh itu, adalah mustahak menampilkkan skil komunikasi yang baik dan mudah difahami.

Kita perlu sentiasa mencari informasi terbaru untuk disalurkan kepada medium yang memerlukan (orang awam).

Adakah anda seorang yang gemar mengembara dan bagaimana ia memanfaatkan diri?

Ya, kerana ia membuka peluang untuk berkenalan dengan manusia, budaya, tradisi dan kepercayaan kaum-kaum lain termasuk corak hidup mereka.

Dengan program jelajah NutriBus ini, saya akan menambah lokasi persinggahan percutian saya. Contohnya

Pakar diet mobil

ke Bentong, Pahang; Mersing, Johor dan Tampin, Negeri Sembilan.

Apakah cabaran yang dihadapi dan respons yang anda diterima?

Kadang-kadang sukar untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat terutamanya mereka yang mengamalkan corak hidup yang berbeza. Mereka beranggapan bahawa kita buka sebahagian daripada komuniti mereka, jadi agak susah mengubah pemikirannya.

Perkara ini lazimnya berlaku di kawasan kampung. Mereka mengambil sikap tidak percaya atau ambil peduli. Masalah kedua adalah perbezaan bahasa atau slanga di sesetengah negeri.

Berapa ramai perunding pemakanan yang bertugas di NutriBus?

Hanya saya seorang manakala lima hingga tujuh staf lain akan secara bergilir-gilir menjaga alat-alat permainan.

Apakah kepuasan anda dalam kerjaya?


Saya menghargai pengembalaan dan pengalaman yang diperoleh berbanding duduk di pejabat.

Saya berpuas hati dengan gaji yang ditawarkan tetapi soal gaji tidak timbul semasa memohon bekerja dengan NSM.

Apakah cita-cita anda pada masa depan?

Saya mahu kekal di sini sehingga diperlukan atau terpaksa berhenti jika sambung belajar di peringkat Ijazah Kedoktoran.

Jika tidak, saya akan menyertai badan kesihatan antarabangsa atau menyertai syarikat industri makanan seperti Dutch Lady.



PENGEMBARAAN
NutriBus ke 120 lokasi di seluruh negara memberi pengalaman baru kepada Siew Hon.